

Bila Melayu mengamuk perasaan

Maaf
Cakap

NORDEN
MOHAMED



Tiba-tiba muncul program menganjurkan Kongres Maruah Melayu anjuran bersama Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Kongres yang akan diadakan pada Ahad ini di Stadium Mala-wati, Shah Alam, Selangor itu dikatakan untuk memberi jawapan kepada pihak yang cuba mencabar kedudukan Melayu.

Prof Dr Zainal Kling selaku Ketua Eksekutif Sekretariatnya berkata, dalam kongres itu semua universiti yang terlibat akan mengendalikan perbincangan mengikut kepakaran masing-masing. UM mengendalikan isu politik, UiTM pula isu ekonomi, UPSI mengenai pendidikan dan UPM pula memfokuskan isu agama dan kebudayaan.

Kongres itu diadakan di sta-

dium, bukan di dewan persida-nan. Nampaknya ia mengajak seluruh rakyat Melayu segenap lapisan untuk menghadirinya.

Barangkali kongres itu bakal memberi isi dan inti tambahan kepada apa yang telah dibicara-kan pada Himpunan Penyatuan Ummah yang telah memeterai Piagam Muafakat Nasional yang diterajui dua parti besar iaitu UMNO dan Pas.

Namun yang menariknya, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan mengha-dirinya. Hampir pasti Dr Mahathir akan bercakap dengan nada lantang dan tegas membela orang Melayu.

Nampaknya ucapan berani-nya di PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) bagi *warm-up* kepada apa yang beliau akan sam-paikan di kongres itu.

Dalam konteks itu, adalah menarik sekiranya pemimpin tertinggi UMNO dan Pas hadir, ia tidak akan menjaskan perjalanan kongres tersebut.

Malah, mereka yang kini se-bagi *big Malay and Muslim brot-hers* akan memberi semangat

“Kehadiran mereka itu bisa mendirikan bulu romba hadirin termasuk mereka yang memerhati daripada jauh. Berdiri bulu romba mereka di situ kerana berasa semangat atau berdiri bulu romba mereka di luar kerana seriau. Ular yang menyusur akar tak akan hilang bisanya.”

dan mesej yang punyai kesan yang lama dan mendalam di mata orang lain.

Dari sudut pandang politik, kehadiran mereka itu bisa men-dirikan bulu romba hadirin termasuk mereka yang memerhati daripada jauh. Berdiri bulu romba mereka di situ kerana berasa se-mangat atau berdiri bulu romba mereka di luar kerana seriau. Ular yang menyusur akar tak akan hi-lang bisanya.

Dalam pada itu, terdapat satu lagi perkembangan yang menarik dari sudut ekonomi. Kempen *Buy Muslim First* begitu berkesan kerana ramai orang Melayu sedar mengenainya. Ini satu lagi penya-tuan yang sedang berlangsung.

Kempen yang tular melalui media sosial itu telah ‘memfardu-

ainkan’ orang Melayu kerana mereka secara individu memikul tanggungjawab menjayakan kempen berkenaan.

Dari sudut umum, ia adalah kempen mengutamakan produk Muslim. Dari sudut praktiknya, ia adalah kebangkitan peniaga untuk menyusun dan memper-kemas rantaian penawaran dari-pada pihak mengeluar, pengilang, pemborong, peruncit dan akhir-nya pengguna.

Inilah yang sedang rancak berlaku. Khabarnya, Malakat Mall, sebuah pasar raya Muslim bakal dibuka tidak lama lagi. Ia adalah manifestasi betapa cepat-nya orang Melayu boleh bertin-dak apabila semangat sudah membara.

Dari sudut sosial, kita sudah

nampak keberanian orang Mel-ayu untuk berpakaian tanjak yang memanifestasikan identiti Mel-ayu. Kita tentu ingat beberapa tahun lalu seorang pemimpin Melayu memohon maaf apabila tindakannya mencium keris telah menyinggung kaum lain. Ma-langnya ketika itu, tiada Melayu lain yang berani membela.

Tidak lama kemudian apabi-la seorang pemimpin Melayu lain diprovok *are you Malaysian first or Malay first*, pemimpin Melayu itu teragak-agak menjawab dan orang Melayu lain tidak berani membelaanya.

Sejumlah besar orang Melayu telah bersatu atas dasar bangsa dan agamanya. Mereka sedang mengamuk perasaan. Semangat ini sudah tidak dapat ditahan-tahan.

Jangan bimbang jika meng-anggap ia akan memusnahkan sebab mana mungkin orang Mel-ayu akan memusnahkan satu-satunya tanah tumpah darahnya ini?

*Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian